



KENYATAAN MEDIA

**YB TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-41

**PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN),
PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA) &
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN (KITA PRIHATIN)**

18 Februari 2021




PENGENALAN

1. **Laporan LAKSANA ke-41** ini akan menyentuh status pelaksanaan BELANJAWAN 2021, PERMAI, PENJANA dan KITA PRIHATIN, serta ulasan isu semasa. Status pelaksanaan inisiatif PRIHATIN pula boleh didapati di Lampiran 1.

ULASAN ISU SEMASA

A. DAYA TAHAN EKONOMI DISOKONG STRATEGI YANG MAMPAN

2. Pada 2020, Malaysia telah mengalami penguncupan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.6%. Penguncupan ini adalah lebih baik berbanding unjuran awal oleh organisasi antarabangsa seperti Dana Kewangan Antarabangsa (-5.8%), Bank Dunia (-5.8%) dan Bank Pembangunan Asia (-6.0%). Prestasi Malaysia juga lebih baik jika dibandingkan dengan negara serantau seperti Thailand (-6.1%) dan Filipina (-9.5%) dan negara lain seperti United Kingdom (-9.9%).
3. Kita juga telah berjaya menghadkan kes kematian akibat wabak COVID-19 dengan nisbah 0.3%, atau di dalam kategori 5% terbawah di peringkat dunia. Keberkesanan langkah Kerajaan membendung penularan wabak COVID-19 juga telah diiktiraf oleh agensi penarafan kredit antarabangsa, Moody's. Ini jelas melalui pengekalannya penarafan Malaysia pada tahap A3 dengan unjuran stabil pada bulan Januari tahun ini. Moody's juga menjangka bahawa penularan wabak COVID-19 tidak akan menyebabkan kesan yang berpanjangan terhadap struktur ekonomi negara. Oleh itu, gelombang penularan semasa dan yang seterusnya hanya akan menangguhkan, dan tidak akan menghalang pemulihan ekonomi negara ke arah landasan pertumbuhan yang lebih tinggi dan mampan.



- Moody's Analytics, di dalam nota ekonominya bertajuk *Trade Links Key to APAC Recovery* yang diumumkan pada 17 Februari, juga berkata bahawa Malaysia dan Singapura berada di kedudukan paling baik untuk meraih manfaat pertumbuhan global pada 2022. Firma itu menjelaskan bahawa kedua-dua negara mengambil langkah berhati-hati bagi pembukaan sempadan untuk membolehkan perjalanan walaupun menjadi antara negara paling giat melaksanakan sokongan dari segi dasar fiskal demi ekonomi masing-masing sejak tahun lalu. Moody's Analytics juga menyatakan bahawa Malaysia adalah salah satu negara yang akan menerima manfaat daripada situasi ketersediaan permintaan perdagangan yang semakin meningkat di China, berdasarkan perdagangan dengan Malaysia yang berkembang dalam dua digit dari segi mata peratusan pada tahun 2020.
- Walau apapun, Kerajaan tetap bersedia untuk menyokong kelangsungan rakyat dan perniagaan. Kementerian Kewangan juga baru menerbitkan laporan kewangan bagi Suku Keempat 2020 (<https://www.mof.gov.my/pdf/ekonomi/suku-tahunan>). Laporan tersebut menjelaskan bahawa sehingga akhir-2020, kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan berdasarkan pengiraan had statutori yang meliputi pinjaman *Malaysian*

Government Securities (MGS), Malaysian Government Investment Issues (MGII) dan Malaysia Islamic Treasury Bills (MITB)] mencatat 58% daripada KDNK, iaitu masih di bawah had statutori 60% KDNK yang ditetapkan. Sehubungan itu, Kerajaan mempunyai ruang fiskal untuk terus membantu rakyat, menyokong perniagaan dan mengukuhkan ekonomi Malaysia dalam tahun 2021, InsyaAllah.

B. BELANJAWAN 2021: PELAN PEMULIHAN & PEMACU EKONOMI NEGARA

6. Belanjawan 2021 adalah lain daripada belanjawan tahun-tahun sebelumnya. Saya ingin berkongsi bahawa semasa Belanjawan 2021 digubal, ianya telah digubal berdasarkan empat teras utama iaitu: (a) Menggalakkan penggunaan swasta; (b) Memacu pelaburan berkualiti tinggi; (c) Memperkasakan pemboleh daya ekonomi dan (4) Menggiatkan Pembangunan Lestari. Namun pada waktu itu, Kementerian berpendapat bahawa mengklasifikasikan langkah-langkah berdasarkan kumpulan sasar (Rakyat, Perniagaan dan Ekonomi) adalah satu keputusan tepat berdasarkan falsafah “*What’s in it for me?*” di kala tempoh kadar jangkitan COVID-19 meningkat dari hari ke hari. Kaedah ini membolehkan rakyat dan perniagaan menumpu terus kepada manfaat yang sesuai bagi diri atau perniagaan mereka.
7. Sebagai peringatan, Belanjawan 2021 telah dibentangkan seperti berikut:

Matlamat	Strategi	Contoh Langkah-Langkah
1: Kesejahteraan Rakyat	1. Pandemik COVID-19 dan Kesihatan Awam 2. Memelihara Kebajikan Golongan Rentan 3. Menjana dan Mengekalkan Pekerjaan 4. Mengutamakan Agenda Keterangkuman 5. Menjamin Kesejahteraan Hidup Rakyat	• Mengekang pandemik melalui Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 • Menambahbaik Bantuan Kewangan • Meringankan Beban Hidup Rakyat • Insentif PenjanaKerjaya • <i>Reskilling & Upskilling</i> • <i>Malaysia Short Term Employment Programme (MYSTEP)</i>
2: Kelangsungan Perniagaan	1. Memacu Pelaburan 2. Memperkukuhkan Sektor-sektor Tumpuan 3. Mengutamakan Automasi dan Pendigitalan	• Pelaburan Dalam Sektor Utama • Penambahbaikan Persekitaran Perniagaan • Inisiatif Sains, Teknologi dan Inovasi

	4. Memudah Akses Pembiayaan	• Penggalakan Penghasilan dan Pembelian Barangan Buatan Tempatan • Pemerkasaan Sektor Pertanian • Pembangunan Sektor Komoditi • Kelangsungan Industri Pelancongan • Skim Transformasi Pendigitalan Industri • Skim Geran Pendigitalan SME dan Geran Automasi • Pembiayaan Kredit Mikro • Jaminan Pinjaman • Pembiayaan Alternatif
3: Ketahanan Ekonomi	1. Belanjawan Pengembangan 2. Agenda Pembangunan di bawah RMK-12 3. Memperkasa Peranan GLC dan Masyarakat Sipil 4. Menjamin Kelestarian Sumber 5. Perkhidmatan Awam	• Perbelanjaan dengan Pengganda Tinggi • Pembangunan Infrastruktur Pengangkutan • Keseimbangan Pembangunan Antara Wilayah • Pembangunan Lestari • Kewangan Lestari • Pemuliharaan Alam Sekitar • Pemerkasaan Penyampaian Perkhidmatan Awam • Pengukuhan Tadbir Urus dan Integriti di Malaysia

Untuk maklumat terperinci berkenaan Strategi dan Langkah-langkah bagi Matlamat 1, 2 & 3, sila layari – <https://belanjawan2021.treasury.gov.my/manfaat/>

8. Namun, ingin dijelaskan di sini bahawa Belanjawan 2021 sememangnya berfungsi sebagai sebuah pelan rangsangan dan pemulihan ekonomi dengan 205 inisiatif bagi melindungi Rakyat serta memastikan kelangsungan perniagaan dan ekonomi. Pelbagai langkah-langkah Belanjawan 2021 sudahpun mula dilaksanakan.

MATLAMAT 1: Kesejahteraan Rakyat

Strategi 1 - Pandemik COVID-19 dan Kesihatan Awam

9. Di dalam Belanjawan 2021, sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan bagi keperluan perkhidmatan kesihatan awam berkaitan COVID-19, termasuk untuk Kelengkapan Perlindungan Diri (PPE), reagen, bahan guna habis dan elaun *one-off* bagi kakitangan barisan hadapan. Melalui Pakej Bantuan PERMAI, Kerajaan juga telah menambah peruntukan sebanyak RM3.25 bilion bagi Program Vaksinasi Kerajaan dan pelbagai keperluan kesihatan awam yang lain.
10. Sehubungan itu, Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) yang baru sahaja dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 16 Februari 2021 merupakan tonggak bagi pemulihan kita dari pandemik Covid-19. Dengan Fasa 1 proses vaksinasi dijangka bermula pada bulan Februari, kita mensasarkan 500,000 petugas barisan hadapan untuk divaksinasi menjelang April 2021. Apabila lebih daripada 80% atau 27 juta penduduk kita divaksinasi sepanjang tahun yang akan datang, kita berharap ini juga tentunya akan mendorong pemulihan ekonomi kita. Untuk maklumat lanjut, sila layari: https://www.vaksincovid.gov.my/pdf/Program_Imunisasi_COVID-19_Kebangsaan.pdf.

Strategi 2 – Memelihara Kebajikan Rakyat

11. Kerajaan sentiasa peka kepada kelangsungan hidup bagi golongan rentan dan mereka yang amat terkesan dengan pandemik COVID-19. Ini dapat dilihat dari keputusan-keputusan yang terbaharu iaitu:
 - i. Pengumuman pada 11 Februari mengenai pemansuhan syarat i-Sinar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi mempermudah ahli membuat pengeluaran dari simpanan Akaun 1. Langkah ini diharap dapat membantu rakyat mengharungi cabaran semasa akibat pandemik COVID-19. Sehubungan itu, Kerajaan juga telah berbincang dengan pihak KWSP untuk mempermudah proses kelulusan, terutamanya bagi mereka yang telahpun membuat permohonan, atau permohonannya sedang diproses. Ini akan melibatkan perubahan kepada sistem KWSP, yang akan mengambil sedikit masa. Masa juga diperlukan untuk membekukan transaksi buat sementara waktu bagi membolehkan sistem KWSP untuk mengkreditkan dividen bagi tahun 2020 ke dalam akaun ahli selepas pengumuman dividen pada hujung bulan Februari ini.
 - ii. Pengumuman pada 14 Februari mengenai pelanjutan tarikh tutup bagi pendaftaran baharu dan kemaskini bagi Bantuan PRIHATIN Rakyat (BPR). Tempoh yang sebelum ini dibuka dari 15 Januari 2021 sehingga 15 Februari 2021 telah dilanjutkan sehingga 25 Februari 2021. Ini bagi memastikan BPR akan diterima oleh mereka yang benar-benar layak.

Strategi 3 – Menjana dan Mengekalkan Pekerjaan:

12. Kerajaan sedar bahawa bantuan tunai sahaja tidak memadai. Oleh itu, di bawah Strategi Menjana dan Mengekalkan Pekerjaan, melalui kerjasama rapat di antara Kerajaan dan industri, langkah-langkah yang telah diambil termasuk:
- Pewujudan portal MyFutureJobs <https://www.myfuturejobs.gov.my/> yang merupakan pusat hentian setempat dan rujukan utama bagi inisiatif berkaitan pekerjaan. Terdapat lebih daripada 200,000 peluang pekerjaan ditawarkan untuk pencari kerja dengan proses pepadanan calon dan industri turut disediakan. Selain itu, portal ini bertindak sebagai pusat sehati bagi maklumat dan capaian inisiatif berkaitan pekerjaan termasuk program peningkatan kemahiran dan latihan semula, khidmat nasihat dan juga program semasa berkaitan pekerjaan.
 - Pengelolaan **Karnival PenjanaKerjaya Kebangsaan Kementerian Sumber Manusia 2021** dijadualkan untuk berlangsung dari **23 hingga 26 Februari 2021**. Karnival ini merupakan acara dalam talian yang mengumpul majikan dari seluruh negara untuk sesi temu duga bagi pengambilan pekerjaan baru. Peserta-peserta yang berminat boleh mendaftar melalui pautan <https://careerfair.perkeso.gov.my>.

BELANJAWAN 2021

KARNIVAL PENJANAKERJAYA KEBANGSAAN 2021
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

23 - 26 Februari 2021 | 9 pagi - 5 petang
Medium: Aplikasi Cisco Webex

23 Feb Siri Webinar Kerjaya

25 Feb (2:30pm) Majlis Perasmian Maya Karnival PenjanaKerjaya Kebangsaan 2021 KSM

24-26 Feb Temu Duga Secara Dalam Talian bersama Majikan Dari Pelbagai Sektor

LEBIH 10,000 PELUANG PEKERJAAN MENANTI ANDA!

Ucaptive oleh:
YB. DATUK SERI M. SARAVANAN
Menteri Sumber Manusia

Dirasmikan oleh:
YB. SENATOR TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL AZIZ
Menteri Kewangan

Daftar Sekarang!
<https://careerfair.perkeso.gov.my>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi
019-295 8289 (En. Dianhazri) 010-262 6763 (Cik Surlana)
011-6057 3076 (Cik Mediha) 010-252 4082 (Cik Syaquirah)

MYFutureJobs 50 PERKESO
Pertubuhan Keselamatan Sosial

PERKESO

LIVE Pertubuhan Keselamatan Sosial

www.myfuturejobs.gov.my

- Pewujudan lebih 160,000 pekerjaan baharu bagi tahun 2021 melalui komitmen pelaburan (*committed investment*) yang akan dipantau oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan agensinya Malaysian Investment Development Authority (MIDA).

PENJANA (PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA)

13. Bagi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA, inisiatif telah dikategorikan kepada tiga matlamat iaitu: **Memperkasakan Rakyat; Melonjakkan Perniagaan; dan Merangsang Ekonomi**

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

14. **Program Subsidi Upah (PSU) 1.0:** Sehingga 30 September 2020 iaitu tarikh tutup PSU 1.0, seramai **322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja** telah menerima manfaat PSU di bawah PRIHATIN dan PENJANA. Setakat 5 Februari, permohonan subsidi upah yang diluluskan mencapai nilai **RM12.763 bilion**.

PSU 1.0

Tarikh Setakat	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
5 Februari	12.763**	2.640	322,177
29 Januari	12.757**	2.640	322,177
25 Disember	12.682**	2.640	322,177
27 November	12.524**	2.640	322,177
30 Oktober	12.255	2.639	322,175
25 September	11.930	2.633	321,633
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah kumulatif

** Jumlah majikan dan pekerja kekal pada takat maksima. Namun, pembayaran dibuat secara berfasa dan berterusan untuk memastikan bahawa hanya perusahaan yang layak sahaja menerima subsidi tersebut.

15. **Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan:** Setakat 5 Februari, seramai **130,871 pekerja** telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini. Antara industri dan sektor utama yang mengambil pekerja termasuk pembuatan serta perdagangan borong dan runcit. Untuk maklumat lanjut, sila layari (<https://www.perkeso.gov.my/186-penjana/803-program-insentif-pengambilan-pekerja-dan-bantuan-latihan.html>)

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Pekerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	
5 Februari	105,250	17,591	7,536	494**	130,871
29 Januari	105,160	17,586	7,534	548	130,328
25 Disember	102,623	17,394	7,417	1,344	128,778
27 November	72,505	11,370	5,808	1,247	90,930
30 Oktober	56,315	8,743	4,724	331	70,113
25 September	34,476	5,456	3,782	284	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	2,818	178	24,616

*Jumlah Kumulatif. **Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah disebabkan sesetengah majikan yang tersilap membuat pemilihan kategori pekerja sebelum permohonan sebenar.

16. **Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran:** Setakat 5 Februari, seramai **133,301 peserta telah diluluskan** untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan. Senarai kursus-kursus yang mendapat permintaan boleh dilihat melalui pautan Kementerian Kewangan. Selain itu, pemohon juga boleh melayari laman web agensi-agensi Kerajaan seperti yang tertera di bawah, untuk mendapatkan maklumat mengenai kursus-kursus yang ditawarkan.

Bil.	Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif
1.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) (www.penjanahrdf.com.my)	<i>SME Development</i>
		Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)
		<i>Place & Train</i>
		Gerak Insan Gemilang (GIG)
		<i>B40 Development</i>
2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	<i>INSKEN Business Training</i>
		<i>Program Micro Connector</i>
3.	Majlis Amanah Rakyat (MARA) (http://penjana.mara.gov.my/)	Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging E-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Training e-Commerce Platform</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Program</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</i>
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Bespoke</i>
4.	East Coast Economic Region Development Council (ECER) (https://www.ecerdc.com.my/penjana/Website/index.html)	<i>ETEP Enhanced Train & Place (PENJANA)</i>
5.	Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) (https://www.ncer.com.my/jomkerja_jomniaga/)	JomNiaga@NCER
		JomKerja@NCER
6.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Pembangunan Kemahiran Komuniti
7.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (https://great.mohe.gov.my)	Program Ekonomi Gig
		Program Keusahawanan

17. **Subsidi pengangkutan awam MY30:** Setakat 5 Februari, sebanyak RM127.74 juta telah disalurkan bagi langganan **751,414 pas bulanan pengangkutan awam tanpa had bernilai** RM30 ini, khusus untuk warganegara Malaysia. Seperti yang diumumkan di bawah Belanjawan 2021, inisiatif ini dilanjutkan ke tahun 2021 bagi terus menggalakkan mobiliti dan mengurangkan beban kos pengangkutan awam untuk Rakyat. Kerajaan berharap dengan pengisytiharan PKPB di pelbagai negeri selepas 18 Februari, inisiatif MY30 ini akan mengalami peningkatan.

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

18. **Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN atau TEKUN Business Recovery Scheme (TBRS):** Skim khas untuk PKS Mikro dengan dana RM100 juta ini **telah mencapai objektifnya** dengan memanfaatkan **14,946 PKS Mikro**. Pada masa sama, masih terdapat inisiatif pembiayaan yang tersedia di bawah Matlamat ini seperti Pembiayaan PKS Penjana dan Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA.
19. **Pembiayaan PKS PENJANA:** Peruntukan Kerajaan sebanyak RM2 bilion di bawah program ini mengutamakan PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Setakat 5 Februari, sebanyak **6,613 permohonan telah diluluskan** dengan **jumlah nilai pinjaman sebanyak RM1.245 bilion**.

Tarikh Setakat	Permohonan Diluluskan*	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
5 Februari	6,613	1,244.7
29 Januari	6,507	1,231.4
22 Januari	6,404	1,216.1
15 Januari	6,139	1,180.3
8 Januari	6,139	1,180.3
1 Januari	5,976	1,149.1
25 Disember	5,764	1,122.1
27 November	5,301	1,085.7
30 Oktober	4,488	965.5
25 September	3,351	795.3
28 Ogos	1,615	426.2

*Jumlah Kumulatif

20. **Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA:** Peruntukan Kerajaan sebanyak RM1 bilion bagi PKS dan PKS mikro yang masih terkesan dengan COVID-19. Setakat 5 Februari, terdapat **579 permohonan** bagi pembiayaan ini, dan daripada jumlah ini sebanyak **282 permohonan telah diluluskan** dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM57.1 juta** (berbanding 277 permohonan dengan nilai RM55.4 juta pada minggu sebelumnya). Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.bnm.gov.my/o/covid19/FAQ%20PENJANA%20Tourism%20Financing_BM.pdf

21. **Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN):** Setakat **5 Februari**, sebanyak **RM363.4 juta** telah disalurkan bagi memanfaatkan **10,774 PKS Mikro** termasuk dalam bidang peruncitan dan perkhidmatan.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
5 Februari	10,774	363.4
29 Januari	10,037	340.0
25 Disember	8,158	282.8
27 November	6,492	227.5
30 Oktober	4,674	167.4
25 September	2,007	73.7
28 Ogos	399	15.2

*Jumlah Kumulatif

22. **Bumiputera Relief Financing (BRF) berjumlah RM200 juta oleh Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB):** Bantuan dana khas ini adalah khas untuk PKS Bumiputera yang terkesan oleh COVID-19, dengan pembiayaan **antara RM100,000 dan RM1 juta** bagi PKS terlibat. Setakat **5 Februari**, dana ini telah disalurkan kepada **548 PKS** melibatkan jumlah **RM153.0 juta** (berbanding 519 PKS dengan jumlah RM143.8 juta pada minggu sebelumnya). Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.punb.com.my/images/photo/BRF/Soalan_Lazim_BRF_FINAL.pdf

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

23. **Sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan bagi golongan petani, peladang dan nelayan:** Daripada jumlah **peruntukan sebanyak RM400 juta, RM350 juta** merupakan peruntukan di bawah **Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank**. Setakat **5 Februari**, sebanyak **RM85.6 juta** telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan **7,723 PKS Mikro pertanian** (berbanding 7,012 PKS Mikro pertanian dengan jumlah RM74.5 juta pada minggu sebelumnya). Jaminan makanan (*food security*) amatlah dititikberatkan di dalam Pelan Penjana dan juga Belanjawan 2021. Semasa lawatan saya ke sebuah kebun pisang di Sabak Bernam baru-baru ini, ternyata masih ada pekebun kecil yang tidak tahu mengenai pelbagai bantuan Kerajaan untuk mengembangkan perniagaan mereka. InsyaAllah, dalam masa terdekat ni, hasrat beliau untuk menambah tenaga kerja dan menggunakan teknologi seperti fertigasi (*fertiliser + irrigation*), serta kawalan AI dan drone untuk tujuan pemantauan akan tercapai.
24. **Pelepasan cukai jualan bagi kenderaan penumpang:** Insentif cukai jualan ini merangkumi pelepasan 100% bagi kereta pemasangan tempatan (CKD) dan pengurangan 50% bagi model import sepenuhnya (CBU). Setakat **5 Februari**, nilai pelepasan cukai jualan yang telah dimanfaatkan adalah berjumlah **RM232.96 juta** (berbanding RM201.51 juta pada minggu sebelumnya). **Seperti yang dimaklumkan, Kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan insentif cukai ini sehingga 30 Jun**

2021, sebagai langkah untuk terus merancakkan sektor automotif dan aktiviti ekonomi negara.

KITA PRIHATIN (Kerangka Inisiatif Tambahan Khas PRIHATIN)

25. **Program Subsidi Upah (PSU 2.0):** Setakat 5 Februari, sejumlah **RM770.31 juta** telah disalurkan kepada **65,398 majikan** untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **534,183 pekerja**. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

PSU 2.0

Tarikh Laporan	Jumlah Disalurkan* (RM juta)	Jumlah Pekerja*	Jumlah Majikan*
5 Februari	770.31	534,183	65,398
29 Januari	741.16	518,793	64,345
25 Disember	418.67	420,193	51,022
27 November	239.73	307,420	39,203

*Jumlah Kumulatif

PENUTUP

26. Kerajaan sentiasa berwaspada dan berhati-hati terhadap sebarang risiko yang berpotensi untuk menggugat prospek pertumbuhan negara, terutamanya dari aspek kesihatan awam. Kerajaan tetap akan berusaha melakukan yang terbaik untuk membendung wabak COVID-19 dan memastikan proses pemulihan ekonomi dapat diteruskan. Dalam jangka masa sederhana dan panjang, Kerajaan terus komited terhadap penyusunan semula (*reforms*) ekonomi dan tadbir urus Kerajaan, serta fokus kepada dasar yang akan memastikan pertumbuhan yang mampan, berdaya tahan, dan saksama.

YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
18 Februari 2021

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Setakat 5 Februari 2021 , jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM16.96 bilion dan melibatkan 5.12 juta penerima (berbanding RM16.24 dan melibatkan 5.11 juta pada minggu sebelumnya). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Setakat 5 Februari 2021, sebanyak RM484.85 juta telah disalurkan berdasarkan 1,453,454 tuntutan (berbanding RM482.98 juta melibatkan 1,445,596 tuntutan pada minggu sebelumnya) yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

3.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 5 Februari 2021, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM11.63 bilion yang akan memberi manfaat kepada 24,628 PKS. Jumlah ini termasuk dana <i>Special Relief Facility</i> (SRF), <i>Automation & Digitalisation Facility</i> (ADF), <i>All-Economic Sector Facility</i> (AES) dan <i>Agrofood Facility</i> (AF). <table border="1" data-bbox="529 544 1409 1104"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>5 Februari</td><td>11.63</td><td>24,628</td></tr> <tr> <td>29 Januari</td><td>11.60</td><td>24,613</td></tr> <tr> <td>25 Disember</td><td>11.29</td><td>24,012</td></tr> <tr> <td>27 November</td><td>11.13</td><td>23,711</td></tr> <tr> <td>30 Oktober</td><td>10.87</td><td>23,305</td></tr> <tr> <td>25 September</td><td>10.67</td><td>22,984</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imSME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	5 Februari	11.63	24,628	29 Januari	11.60	24,613	25 Disember	11.29	24,012	27 November	11.13	23,711	30 Oktober	10.87	23,305	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																																				
5 Februari	11.63	24,628																																				
29 Januari	11.60	24,613																																				
25 Disember	11.29	24,012																																				
27 November	11.13	23,711																																				
30 Oktober	10.87	23,305																																				
25 September	10.67	22,984																																				
28 Ogos	10.3	22,440																																				
Julai	9.6	21,410																																				
Jun	8.4	19,539																																				
Mei	6.9	16,833																																				
April	1.5	3,636																																				